



COVID-19: Garis Panduan Serta Langkah-Langkah Pencegahan Oleh Penyedia Perkhidmatan Pos yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Pos 2012

Melalui Perintah Kawalan Pergerakan Fasa Kedua, Kerajaan telah memperbanyakkan lagi sekatan pergerakan bermula 1 April sehingga 14 April 2020 selaras dengan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Jangkitan) (No.2) 2020 (P.U.(A) 109/2020). Pergerakan hanya terhad kepada tujuan tertentu termasuklah bagi melaksanakan apa-apa tugas berhubung dengan apa-apa perkhidmatan perlu. Sehubungan itu, perkhidmatan komunikasi (yang merangkumi pos dan perkhidmatan kurier) dan e-dagang tersenarai sebagai perkhidmatan perlu yang boleh diteruskan dengan mengambil kira garis panduan serta langkah-langkah pencegahan yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia dan perkara-perkara berikut:

1. Tahap Sanitasi, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

- 1.1 Mengamalkan amalan sanitasi kebersihan yang optimum pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan 'hand sanitizer'.
- 1.2 Memakai penutup mulut dan hidung (mask) ketika menjalankan tugas.
- 1.3 Mempraktikkan penjarakan sosial (social distancing) sekurang-kurangnya satu (1) meter dari orang-orang lain di dalam persekitaran.

2. Langkah pencegahan COVID-19 di premis perniagaan

- 2.1 Menyediakan bahan pencuci tangan (hand sanitizer) bagi kegunaan pelanggan dan memastikan pekerja kaunter sentiasa memakai penutup mulut dan hidung (mask).
- 2.2 Memaparkan garis panduan mengenai COVID-19 yang dikeluarkan oleh pihak KKM sebagai panduan kepada para pelanggan berhubung langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil.

3. Kaedah Penghantaran Selamat

- 3.1 Memastikan agar prosedur penghantaran setiap barang pos semasa wabak COVID-19 dilakukan dengan kaedah selamat dengan menghadkan kontak (contactless delivery) bagi mengelakkan risiko jangkitan. Kaedah mengambil tandatangan pelanggan sebagai bukti penerimaan barang pos misalnya boleh

digantikan dengan kaedah alternatif tanpa menjejaskan kualiti dan integriti perkhidmatan pos yang disediakan kepada pelanggan.

3.2 Menyediakan kaedah-kaedah penghantaran alternatif yang sewajarnya bagi menghadkan kontak di antara pekerja serahan dan pelanggan.

3.3 Sebarang perubahan proses penghantaran barang pos hendaklah dimaklumkan kepada pelanggan secara berkesan.

Semua langkah-langkah pencegahan di atas adalah bertujuan untuk melindungi setiap pekerja, memelihara kebajikan serta keselamatan setiap pekerja dan pelanggan dalam usaha membantu kerajaan menangani gejala pandemik COVID-19. Di samping itu, semua pemberi perkhidmatan pos adalah dinasihatkan supaya sentiasa menyemak perkembangan terbaru dan sebarang nasihat yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

2 April 2020